

**SOALAN NO: 249**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**  
**RUJUKAN : BL2 [PR-1343-T76613]**  
**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan perkembangan Projek River of Life.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, Projek *EPP5: River of Life (RoL)* di bawah *NKEA Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley* dilaksanakan bagi mentransformasikan Sungai Gombak dan Sungai Klang kepada ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi. Objektif utama projek *RoL* adalah untuk mencapai tahap kualiti air sungai Kelas IIB menjelang Tahun 2020.

Secara keseluruhannya, status pelaksanaan Projek *RoL* telah mencatat kemajuan sebanyak 62.2% berbanding perancangan 63.5% dan dijangka siap sepenuhnya secara berperingkat sehingga Tahun 2020.

Bagi komponen Pembersihan Sungai, status terkini pelaksanaan projek adalah 65% berbanding jadual 64% manakala bagi komponen Pengindahan Sungai pula, status terkini pelaksanaan adalah 14.6% berbanding jadual 17.8%.

Kementerian sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaan projek ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dengan mengadakan pemantauan secara berkala dan menetapkan *key performance indicator* (KPI) sebagai sasaran yang perlu dicapai oleh Agensi Pelaksana.